Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) Pendidikan telah ditetapkan bahawa aspirasi pendidikan di Malaysia memfokuskan kepada peningkatan kemenjadian murid di samping penyediaan kualiti pendidikan murid sekolah (NKRA, Pendidikan). Hal ini memandangkan keperluan utama negara untuk mewujudkan modal insan yang berilmu dan mampu bersaing dalam sektor ekonomi negara. Berdasarkan laporan awal WEF pada tahun 2020 meramalkan bahawa 50% daripada semua pekerja akan memerlukan kemahiran baharu menjelang 2025 (Mohammad El Hawary, 2022).

Laporan itu menunjukkan pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah mendahului senarai kemahiran yang diperlukan oleh majikan diikuti dengan kemahiran pengurusan diri seperti pembelajaran aktif, daya tahan, toleransi tekanan dan fleksibiliti (Mohammad El Hawary, 2022). Malahan, Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dalam satu majlis merasmikan Program *Pahang English Teaching Assistant* pada tahun 2019 yang bertitah agar sistem pendidikan haruslah disesuaikan mengikut kemajuan teknologi yang sentiasa berkembang dan murid sekolah harus belajar cara berfikir secara kritis dan juga menganalisis maklumat (Nor Khalilah Gusti Hassan, 2019). Justeru peranan kualiti pendidikan dalam peningkatan keberhasilan murid sekolah dalam pemikiran aras tinggi seperti pemikiran masa depan yang berkaitan pemikiran kritikal adalah harus dipandang serius penekanannya dalam sistem pendidikan di Malaysia bagi melahirkan modal insan yang



seimbang dari pelbagai aspek selari dengan kehendak FPK bagi memenuhi keperluan alam pekerjaan pada masa hadapan.

Sehubungan itu, tersusunnya sistem pendidikan yang formal dengan pembaharuan membolehkan sistem pendidikan berubah mengikut peredaran masa. Pendek kata, usaha tersebut mampu menepati keperluan murid untuk meningkatkan kemahiran pemikiran masa depan. Nur Hawa Hanis Abdullah & Ghazali Darusalam (2018) berpendapat pendedahan berbagai-bagai kaedah yang menguji kemampuan intelek, emosi dan perkembangan sosial adalah dengan tujuan meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan murid. Sebagaimana yang kita sedia maklum, PPPM 2013-2025 mempunyai tiga fasa gelombang untuk memastikan matlamat dan tujuan pelaksanaannya dicapai dan sebelas anjakan melibatkan transformasi dari segi sistem pendidikan negara. Dua aspirasi diketengahkan iaitu aspirasi sistem pendidikan negara dan aspirasi murid untuk penyediaan keperluan modal insan yang berdaya saing dan berilmu menghadapi cabaran dalam pelbagai bidang yang diceburi setelah berada di alam pekerjaan kelak. **Rajah 1.1** menunjukkan ringkasan ketiga-tiga gelombang dalam PPPM (2013-2025).



(Sumber: PPPM 2013-2025)

*Rajah 1.1. Gelombang PPPM 2013-2025*



Transformasi kurikulum di Malaysia daripada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah digantikan dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 2017. Gelombang kedua PPPM (2016-2020) adalah bertujuan memacu peningkatan sistem pendidikan di Malaysia melalui pelaksanaan KSSM. Menurut Naza Idris Saadon Ketua Sektor Dasar dan Penyelidikan, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), pelaksanaan KSSM mengambil kira hasrat PPPM 2013-2025 yang menyarankan KBSM disemak dengan memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran abad ke-21 sekali gus memacu kepada pelaksanaan KBAT. Hasrat KPM memupuk budaya berfikir adalah dengan menyediakan buku panduan yang telah diterbitkan oleh BPK KPM pada tahun 2014 bertajuk “Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Aplikasi di Sekolah” sebagai rujukan guru mengaplikasikan KBAT dalam PdP. Hal ini membuktikan bahawa KPM menitikberatkan pembangunan KBAT dalam sistem pendidikan di awal peringkat sekolah. Menurut Mohd Syaubari Othman dan Ahmad Yunus Kassim (2016), KBAT merupakan satu kemahiran yang memerlukan pengorganisasian pemikiran berdasarkan keupayaan untuk menghuraikan, menterjemahkan, mencipta, merefleksikan dan menghubungkan dengan situasi semasa. Manakala menurut Siti Sarah Muhammad Raflee dan Lilia Halim (2021), keupayaan guru menerapkan KBAT dalam proses PdP mampu merangsang pemikiran yang lebih berstruktur dan berfokus murid. Maka, bersandarkan pada konteks ini, ilmu tidak hanya dihafal untuk berdepan dengan peperiksaan tetapi ilmu penting dalam mendepani sebarang perubahan yang berlaku dalam persekitaran pembelajaran murid seperti peningkatan kemahiran pemikiran masa depan yang merupakan salah satu KBAT.







Seterusnya, tujuan pelaksanaan KSSM ialah murid dilengkapi kemahiran yang diperlukan menghadapi cabaran dunia yang sentiasa berubah seiring dengan arus kemajuan dengan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai (KPM, 2016). Menyedari hakikat tersebut, kemahiran pemikiran masa depan perlu diberi fokus dalam transformasi pendidikan negara supaya seiring dengan negara maju. Penekanan tersebut amat penting kerana integrasi antara kemahiran abad ke-21 dan pemikiran masa depan saling berkait dengan perkembangan dan kemajuan sains teknologi masa hadapan (Siti Siti Mariam Mahamood & Roslinda Rosli, 2017). Pernyataan ini selari dengan pernyataan Nyet dan Mohammad Syafiq Abd Rahman (2019) yang mengatakan memasukkan pemikiran masa depan ke dalam kurikulum adalah transformasi pendidikan terkini dalam pembaharuan pendidikan di kebanyakan negara maju. Haapala, (2002) menyatakan pemikiran masa depan merupakan salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar untuk menghadapi apa jua keadaan di masa hadapan (Nyet & Mohammad Syafiq Abd Rahman, 2019). Perkembangan pembelajaran murid berkaitan rapat dengan kefahaman murid semasa aktiviti PdP dalam bilik darjah. Chew & Zul Hazmi Hamad (2018) mengutarakan bahawa kaedah pembelajaran seperti teknik penyoalan aras tinggi dapat membina pemikiran aras tinggi. Oleh sebab itu, kehadiran pelbagai kaedah dan panduan dalam PdP berteraskan pemikiran aras tinggi bagi memupuk budaya berfikir merupakan titik permulaan yang penting menyokong sistem pendidikan. Melalui pembudayaan KBAT, murid mempunyai peningkatan aras pemikiran masa depan yang diperlukan dalam pembelajaran abad ke-21. Justeru, pengetahuan tentang kemahiran pemikiran dalam diri murid sekolah menengah amat perlu ditekankan pada abad ke-21 ini dalam membentuk kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah.





Maka, perkara ini menjelaskan bahawa penerapan pemikiran masa depan dalam kurikulum sekolah menengah di Malaysia amat penting dalam kita membincangkan kepentingan kemahiran berfikir aras tinggi. Berbalik kepada usaha KPM mengembangkan kualiti pendidikan negara yang bertaraf antarabangsa, pemikiran masa depan atau pemikiran futuristik mula diperkenalkan melalui pelaksanaan PPPM 2013-2025 (Edria Nita Mustaffa & Muhammad Faizal A. Ghani, 2020). Hal ini membuktikan bahawa peningkatan kemahiran pemikiran murid sememangnya adalah antara matlamat utama KPM untuk pendidikan peringkat sekolah menengah di Malaysia.

Pemikiran masa depan dalam kalangan murid sekolah ialah kesedaran tentang jangka masa yang berbeza, dan keupayaan untuk menemui, meneliti, dan mencadangkan senario masa depan dalam isu dan situasi tertentu (Vidergor et al., 2019). Walaupun pemikiran masa depan tidak dihuraikan dan dijelaskan dalam pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), namun manfaatnya memupuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) amat penting dan perlu diberi penekanan dalam perkembangan kemahiran berfikir murid. Hal ini kerana KBAT telah dinyatakan dan dijelaskan dengan terperinci dalam KSSM Bahasa Melayu agar golongan pendidik melaksanakannya dalam proses PdP. Oleh itu, bagi melengkapkan para murid yang berkemahiran dalam pemikiran masa depan, aktiviti pengajaran menggunakan alat pemikiran di sekolah perlu diberi perhatian berterusan di samping berpengetahuan dalam bidang penyampaian isi kandungan pengajaran supaya wujud pembelajaran bermakna. Pernyataan tersebut selari dengan pandangan Rosly Kayar et al. (2023) yang menyatakan alat berfikir seperti peta pemikiran dapat meningkatkan kemahiran berfikir dan keupayaan berkomunikasi.





Smith (2014) menegaskan bahawa pemikiran masa depan bukan hanya sebagai persediaan menghadapi kegagalan tetapi juga bertujuan untuk mencapai kemajuan dan inovasi. Pendapat tersebut membuktikan pembudayaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid sekolah merupakan bahagian yang penting dalam peningkatan kemahiran pemikiran aras tinggi. Hal ini kerana murid akan dapat menguasai kemahiran pemikiran masa depan berdasarkan kekerapan penerapan kemahiran pemikiran tersebut dalam tindakan penyelesaian masalah yang kritikal di samping melahirkan generasi yang mempunyai pembangunan intelek selari dengan hasrat FPK dalam mewujudkan modal insan yang seimbang. Dalam konteks ini, guru yang produktif hendaklah mempunyai pemikiran masa depan dengan menerapkan pengajaran dan pembelajaran bersifat kognitif, pemikiran kritikal dan futuristik kepada murid sekolah menengah (Ismail Sualman, 2018). Dengan adanya alat bantu pengajaran guru seperti alatan berfikir menggunakan peta pemikiran membolehkan murid meningkatkan kemahiran pemikiran masa depan. Menurut Roselizam Daud et al. (2020), peta pemikiran menggalakkan pemikiran aktif murid. Lanjutan daripada huraian yang telah dinyatakan di atas, perkara ini memberi penjelasan bahawa guru perlulah menitikberatkan pengintegrasian kemahiran pemikiran masa depan dalam PdP bilik darjah dan berbantuan penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran isi kandungan sesuatu mata pelajaran kepada murid sekolah menengah.

Vidergor (2018) menegaskan penerapan pemikiran saintifik dan kreatif diperlukan dalam proses yang membawa kepada pemikiran masa depan. Menurut Anita Ismail et al. (2020), individu yang kreatif mempunyai pemikiran yang pelbagai. Hakikat daripada fakta ini, peningkatan kemahiran pemikiran masa depan murid dan membangunkan kemahiran abad ke-21 memerlukan murid berfikir secara kritis dan





kreatif serta murid menjana dan mencipta idea atau ilmu pengetahuan baharu. Perkara ini menjadi cabaran kepada keupayaan golongan pendidik di sekolah menengah menerapkan KBAT seperti pemikiran masa depan dalam PdP. Cabaran tersebut meliputi semua PdP mata pelajaran yang ditawarkan di sekolah menengah antaranya pembelajaran Bahasa Melayu. Meninjau kajian yang dijalankan oleh Nor Hasmaliza Hasan dan Zamri Mahamod (2016) yang bertujuan untuk mengkaji tentang persepsi guru terhadap KBAT mendapati aspek pemahaman guru Bahasa Melayu terhadap KBAT berada pada tahap yang sederhana. Kajian yang dijalankan Hasnah Isnon dan Jamaludin Badusah (2017) juga menunjukkan kompetensi guru Bahasa Melayu mengaplikasikan KBAT dari aspek pengetahuan dan aspek pemahaman dalam PdP masih pada tahap sederhana. Dapatan kajian tersebut jelas membuktikan terdapatnya kekangan guru Bahasa Melayu mengintegrasikan KBAT dalam pembelajaran yang berpunca daripada kekurangan sumber rujukan untuk menerapkannya (Nur Shahirah Mat Isa & Zamri Mahamod, 2021).

Menurut Rohaida Yusop dan Zamri Mahamod (2015) guru harus menerapkan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu di bilik darjah. Lanjutan daripada itu, guru memerlukan satu panduan untuk mengembangkan kemahiran pemikiran masa depan murid. Berdasarkan model kurikulum multidimensional Vidergor (2018), komponen pemikiran masa depan terdiri daripada 10 strategi atau tahap pemikiran iaitu (1)*Defining and Identifying Components*, (2)*Classifying and Analyzing*, (3)*Comparing*, (4)*Identifying Connections*, (5)*Identifying Processes*, (6)*Organizing in Sequence*, (7)*Evaluating*, (8) *Meliorating*, (9) *Creating*, dan (10)*Predicting Development*. Manakala dalam KSSM Bahasa Melayu, telah diuraikan dan dinyatakan secara eksplisit agar para pendidik



mengintegrasikan KBAT dalam PdP Bahasa Melayu bagi merangsang pemikiran yang sistematik dan berstruktur. Huraian KBAT dalam DSKP KSSM Bahasa Melayu memfokuskan kepada empat tahap pemikiran iaitu mengaplikasikan, menganalisis, menilai dan mencipta agar murid berkeupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu (KPM BPK, 2018). Keempat-empat tahap pemikiran yang dihuraikan tersebut selari dengan komponen pemikiran masa depan Vidergor (2018) kerana menurut beliau ianya merupakan salah satu KBAT. Justeru untuk melengkapkan elemen membina KBAT yang diperlukan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, maka pemikiran masa depan perlu diterapkan dalam PdP Bahasa Melayu peringkat sekolah menengah. Hujah ini bersandarkan kepada pernyataan Gorbis (2019) yang merupakan pengarah eksekutif *Institute for the Future* mengatakan pemikiran masa depan bukan meramal masa depan sebaliknya adalah berkaitan tentang seseorang memikirkan secara mendalam tentang isu yang kompleks, membayangkan kemungkinan yang baharu, menghubungkan isyarat kepada corak yang lebih luas, menghubungkan masa lalu, masa kini dan masa depan serta membuat pilihan yang lebih baik.

Bertitik tolak dari keperluan pemikiran masa depan dalam mata pelajaran teras itu, satu panduan melaksanakan sesuatu pembelajaran memudahkan guru memahami proses PdP yang dijalankan di dalam bilik darjah membolehkan matlamat pengajaran tercapai. Penggunaan model dalam PdP memudahkan guru membimbing murid dalam aktiviti pembelajaran di sekolah. Antara kajian membantu guru dalam PdP ialah kajian yang dijalankan oleh Mohd Paris Saleh (2016) telah menjelaskan penggunaan model berasaskan kaedah inkuiri dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah melalui M-

pembelajaran menjadi satu panduan membantu guru menjadi seorang fasilitator dan motivator dalam PdP mata pelajaran Sejarah. Selain itu, kajian Nurulrabihah Mat Noh (2020) berkaitan pemikiran reka bentuk telah memberi sumbangan kepada guru melakukan perancangan pembelajaran dengan berpandukan dan merujuk model yang dibangunkan. Secara tuntas, jelaslah bahawa penggunaan model memudahkan pelaksanaan pengajaran guru sebagai keperluan keupayaan dalam melahirkan generasi muda berkemahiran dalam pemikiran masa depan bagi melonjakkan lagi kualiti pendidikan perlu selari dengan keperluan sejagat iaitu mewujudkan tenaga kerja yang berkeupayaan untuk bersaing dan berkemahiran yang diperlukan khasnya menghadapi cabaran dan kemajuan dalam bidang yang diceburi oleh seseorang individu pada masa akan datang. Hal ini menggambarkan bahawa kemahiran pemikiran masa depan haruslah ditingkatkan dengan terhasilnya model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah agar mampu menjadi satu rujukan dan panduan kepada para pendidik dalam usaha meningkatkan kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Pelaksanaan PPPM 2013-2025 memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis, kreatif dan inovatif, penyelesaian masalah dan kepimpinan untuk membolehkan murid bersaing di peringkat global (Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah, 2016). Berdasarkan laporan pencapaian murid di Malaysia yang masih rendah dalam ujian penilaian antarabangsa seperti *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dan *Programme for*



*International Student Assessment* (PISA) pada tahun 2019 membuktikan bahawa penguasaan murid dalam pemikiran aras tinggi masih lemah (Abdul Halim Abdullah & Zuraini Marion, 2021) iaitu tidak mencapai standard pemikiran kelas pertama dan tidak mampu mencapai aras yang memuaskan (Abdul Halim Abdullah, Johari Surif & Norhasniza Ibrahim, 2014). Berdasarkan Siti Rahaimah Ali (2019), kajian PISA meletakkan Malaysia di tangga 55 daripada 74 buah negara manakala laporan TIMSS 2011 memaparkan Malaysia pada tangga 16 (1999), 10 (2003), 20 (2007) dan 26 (2011). Merujuk kepada dokumen PPPM 2013-2025 (KPM, 2013) telah menyarankan agar sekolah dapat melaksanakan pembelajaran abad ke-21 yang bertujuan meningkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir. Namun, permasalahannya ialah sistem persekolahan di Malaysia kurang memberi penekanan terhadap tugas memperkembang daya pemikiran murid (Roselizam Daud et al., 2020). Justeru, KPM harus memandang serius terhadap masalah pendidikan dalam kalangan murid sekolah khususnya penguasaan KBAT seperti kemahiran pemikiran masa depan kerana menurut Ahli Lembaga Pengarah Bank Rakyat, Datuk Abdul Rahman Kasim pada tahun 2018 dalam ucapan beliau di satu seminar yang dihadiri mengatakan murid perlulah mempunyai pemikiran inovatif, pemikiran futuristik, mampu berfikir luar kotak dan kemahiran abad ke-21 agar dapat menjawab soalan-soalan berbentuk KBAT dengan sebaiknya (Mohd Khairul Anam, 2018). Mohd Syaubari Othman dan Ahmad Yunus Kassim (2016) menyatakan dalam pelaksanaan PdP, kebanyakan kajian berkaitan KBAT memfokuskan kepada elemen tahap kesediaan guru, kemahiran guru dan sikap guru. Maka kajian ini menjadikan pembinaan model aktiviti pengajaran sebagai tumpuan utama kajian dengan menekankan pemikiran masa depan yang merupakan KBAT.



Pemikiran masa depan merujuk kepada imaginasi kemungkinan peristiwa masa depan atau keupayaan seseorang membayangkan secara kreatif kemungkinan senario-senario pada masa depan (D'Argembeau et al., 2010; Fortunato & Furey, 2011; Chiu, 2012; Tsai & Lin, 2016). Meninjau kajian lepas, kajian mengenai pemikiran masa depan banyak dibincangkan sejak dua dekad yang lalu, namun kajian pemikiran masa depan yang melibatkan murid sekolah masih kurang (Loose & Vásquez-Echeverría, 2021). Kajian tentang pemikiran masa depan dalam kalangan murid di Malaysia haruslah diberikan penekanan kerana penting dalam pembangunan intelek murid selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Selain itu, di Malaysia juga kajian yang banyak dibincangkan adalah berkaitan KBAT di sekolah, namun kajian mengenai pemikiran masa depan murid masih kurang dijalankan (Edria Nita Mustaffa & Muhammad Faizal A. Ghani, 2020). Lanjutan daripada jurang yang diperoleh ini menunjukkan kajian yang dijalankan berbeza daripada kajian-kajian lepas. Penyataan ini juga memberi gambaran agar memastikan guru berkemahiran dalam melaksanakan PdP yang berkesan dalam meningkatkan kemahiran pemikiran masa depan. Maka, kajian mengenai pemikiran masa depan haruslah dijalankan. Menyedari wujudnya permasalahan tersebut, pembangunan intelek melibatkan pemikiran aras tinggi seperti pemikiran masa depan amat penting. Menurut Subahan Mohd. Meerah dan Syed Ismail Syed Mustapa (2017) apabila murid telah melalui proses pengajaran, proses celik akal dan celik fikir akan berlaku.

Mohamad Zaidir Zainal Abidin dan Kamisah Osman (2017) menjelaskan bahawa tahap pengetahuan guru berkaitan kemahiran berfikir dalam proses PdP di bilik darjah masih rendah. Tambahan pula, kualiti dan keupayaan guru-guru di sekolah dalam menyampaikan pengajaran seperti yang dikehendaki oleh sistem pendidikan





sering dipertikaikan oleh masyarakat (Noor Lela et al., 2019). Pendidikan adalah merupakan satu proses berterusan yang bermatlamat untuk membentuk nilai baharu atau perubahan positif kepada seseorang individu mengikut norma sesuatu masyarakat (Mohammad Rusdi Abd. Majid, 2017).

Profesion keguruan pada abad ke-21 ini menuntut guru yang berpengetahuan dari konteks kemahiran penggunaan kaedah PdP yang berkesan terutamanya dalam meningkatkan kemahiran pemikiran masa depan dalam kalangan murid sekolah. Hal ini kerana kemahiran pemikiran masa depan akan membolehkan murid berfikir pada aras yang tinggi. Antara cabaran yang dihadapi guru pada abad ke-21 ini ialah guru perlu berpengetahuan menggunakan kaedah dalam meningkatkan kemahiran pemikiran masa depan agar mampu mengaplikasikannya di dalam proses pengajaran. Kajian yang dijalankan Nurul Hasna Hassan et al. (2020) mendapati ada guru yang kurang memahami dan mengenal pasti kewujudan elemen-elemen KBAT dalam soalan-soalan yang dikemukakan dalam buku teks Bahasa Melayu. Permasalahan ini memerlukan kefahaman guru dalam mengaplikasikan proses pemikiran. Menurut Siti Sarah Muhammad Raflee dan Lilia Halim (2021), proses pemikiran yang kritikal harus dirancang daripada yang asas kepada proses kompleks. Maka, keperluan kajian yang dijalankan ini penting sebagai satu panduan untuk memupuk proses pemikiran masa depan iaitu daripada proses yang asas (aras rendah) hingga ke proses yang kompleks (aras tinggi) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu murid sekolah menengah.

Di samping itu, pengetahuan teknik PdP guru melibatkan penggunaan kaedah pemikiran perlu diteroka dan dikaji untuk memastikan objektif pelaksanaan kurikulum ini tercapai selari dengan hasrat yang terkandung dalam KSSM Bahasa Melayu. Jika





guru memiliki pengetahuan yang rendah, maka itu akan mengganggu pengajaran (Coe et al., 2014; Muhamad Hafizan & Anuar Ahmad, 2017). Menurut Omardin (1997), para murid hanya dapat menumpukan perhatian terhadap pengajaran guru dalam tempoh masa yang singkat (Subahan Mohd. Meerah & Syed Ismail Syed Mustapa, 2017). Ekoran daripada isu tersebut, kaedah pembelajaran yang sesuai supaya tumpuan murid dapat dikekalkan dan pembelajaran berpusatkan murid dapat diaplikasikan.

Penggunaan alat pemikiran seperti peta pemikiran sebagai kaedah pembelajaran dalam pengajaran dalam kelas mampu meningkatkan kefahaman dan daya tumpuan murid dalam aktiviti PdP dalam kelas di samping guru dapat mengaplikasikan kaedah pembelajaran berpusatkan murid. Di sini menunjukkan hujah tersebut selari dengan pendapat Zarina Abu Baker dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2021) yang mengatakan penggunaan peta pemikiran membantu peningkatan tahap penguasaan murid dalam memahami suatu perkara yang dipelajari. Namun, menurut Linawati & Sharifah Nor Puteh (2017) menyatakan bahawa masih ada sebilangan guru yang kurang mempraktikkan kaedah pembangunan pemikiran dan masih menggunakan kaedah konvensional semasa PdP di bilik darjah. Isu ini selari dengan pendapat A. Rahman Haron, Jamaludin Badusah dan Zamri Mahamod (2015) yang mengatakan masih terdapat ramai guru tidak menekankan kemahiran berfikir dalam pengajaran mereka kepada murid sekolah. Bertitik tolak dari isu-isu yang dibincangkan di atas, kajian ini akan memberi fokus terhadap panduan aktiviti pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu pengaplikasian kaedah pembangunan pemikiran dalam menerapkan pemikiran masa depan.





Tambahan lagi, Rohaida Yusop dan Zamri Mahamod (2015) menyatakan bahawa sistem persekolahan di Malaysia masih kurang memberi penekanan terhadap memperkembangkan daya pemikiran murid sekolah dan hanya menumpukan kepada menghabiskan sukatan pelajaran serta memberi fokus kepada persediaan murid menghadapi peperiksaan. Kajian Normah Zakaria, Azita Ali, Nur Izeanty Hamidon dan Suhaili Abd Rasap (2018) pula mengatakan sebanyak 59% guru-guru tidak menerapkan elemen kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran dan lebih ke arah corak PdP secara konvensional. Tambahan pula kajian Farah Aziana Abdul Aziz dan Fadzilah Abd Rahman (2018) mendapati kebanyakan guru Bahasa Melayu masih belum bersedia melaksanakan KBAT dalam pengajaran mereka kerana kekurangan pengetahuan berkaitan mengaplikasikan KBAT dan tidak tahu kaedah menerapkan KBAT dalam PdP Bahasa Melayu. Isu ini menunjukkan guru perlu berpengetahuan dan mempunyai panduan dalam melaksanakan PdP yang bertujuan meningkatkan kemahiran pemikiran khasnya pemikiran masa depan dalam diri murid sekolah menengah. Lanjutan permasalahan tersebut, model aktiviti pengajaran berasaskan penggunaan peta pemikiran ini akan dapat memberikan pengetahuan dalam bentuk satu panduan atau rujukan kepada guru.

Seterusnya, pendidikan di Malaysia telah memberikan pengetahuan dan pendedahan tentang penggunaan peta pemikiran kepada para guru melalui Program *I-Think* untuk memupuk kemahiran berfikir dalam kalangan murid. Pendedahan dilakukan melalui penganjuran kursus-kursus atau bengkel-bengkel di sekolah malah juga dilakukan secara atas talian untuk memberikan penjelasan dan kefahaman guru tentang penggunaannya. Namun demikian, para pendidik sekolah menghadapi masalah untuk menerapkan pengajaran menggunakan peta pemikiran dan hanya mengajar



berdasarkan pemahaman guru sendiri tanpa sebarang rujukan atau panduan. Permasalahan ini pernah diutarakan oleh Nik Rosnizasuzila Nik Hassan et al. (2015) dalam kajian mereka. Daripada permasalahan tersebut, satu model aktiviti pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu menggunakan peta pemikiran dapat dijadikan sebagai panduan kepada guru Bahasa Melayu khususnya aktiviti pengajaran KBAT iaitu pemikiran masa depan. Berdasarkan proses KBAT yang diperkenalkan oleh Vidergor (2018) dalam Model Kurikulum Multidimensional yang merujuk kepada proses pemikiran masa depan adalah meliputi (i) Kemahiran Mendefinisikan dan Mengenal Pasti, (ii) Kemahiran Mengklasifikasikan dan Menganalisis, (iii) Kemahiran Membandingkan, (iv) Kemahiran Mengenal Pasti Perkaitan, (v) Kemahiran Mengenal Pasti Proses, (vi) Kemahiran Menyusun dalam Urutan, (vii) Kemahiran Menilai, (viii) Kemahiran Menambah baik, (ix) Kemahiran Membina dan (x) Kemahiran Pembangunan Ramalan.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk membina model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah.

#### **1.5 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk membina model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah.

Kajian ini melibatkan tiga (3) fasa pembinaan model iaitu fasa 1: analisis keperluan, fasa 2: reka bentuk dan pembangunan model dan fasa 3: penilaian model. Fasa-fasa yang terlibat dalam pembangunan model aktiviti pengajaran ini berdasarkan objektif-objektif kajian seperti berikut:

- (i) Mengenal pasti keperluan yang berkaitan dengan pembinaan model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah berdasarkan kepada pandangan guru.
- (ii) Menghasilkan reka bentuk model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah berdasarkan kepada pandangan dan pemerhatian pakar dalam konteks murid sekolah menengah.
- (iii) Menilai kebolegunaan model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah berdasarkan kepada pandangan dan keputusan pakar.

## 1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, kajian ini akan menjawab soalan-soalan berikut:

### **Fasa 1: Analisis Keperluan**

Mengenal pasti keperluan yang berkaitan dengan pembinaan model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah berdasarkan kepada pandangan guru:

- (i) Adakah perlu dibina model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah berdasarkan kepada pandangan guru?
- (ii) Apakah keperluan kandungan yang diperlukan dalam membina model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah berdasarkan kepada pandangan guru?
- (iii) Adakah peta pemikiran sesuai digunakan dalam pembinaan model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah berdasarkan kepada pandangan guru?
- (iv) Apakah keperluan pembinaan model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah berdasarkan pandangan guru berpengalaman?

### **Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan Model**

Menghasilkan reka bentuk model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah berdasarkan kepada pandangan dan pemerhatian pakar dalam konteks murid sekolah menengah:

- (i) Apakah kesepakatan pandangan pakar terhadap aktiviti yang perlu ada dalam pembinaan model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah?
- (ii) Apakah hubungan antara setiap aktiviti berdasarkan kesepakatan pandangan pakar dalam pembinaan model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah?
- (iii) Bagaimanakah aktiviti boleh diklasifikasikan untuk penginterpretasi model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah berdasarkan kesepakatan pandangan pakar?

### **Fasa 3: Penilaian Model**

Menilai kebolegunaan model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah berdasarkan kepada pandangan dan keputusan pakar:

- (i) Apakah persetujuan pakar terhadap kesesuaian pemilihan jenis peta pemikiran dalam model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah?

- (ii) Apakah persetujuan pakar terhadap kesesuaian susunan aktiviti yang perlu ada dalam model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah?
- (iii) Apakah persetujuan pakar terhadap kebolegunaan klasifikasi aktiviti pengajaran berdasarkan kepada dimensi-dimensi seperti yang dicadangkan dalam model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah?
- (iv) Apakah persetujuan pakar terhadap kebolegunaan senarai aktiviti seperti yang dicadangkan dalam model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah?
- (v) Apakah persetujuan pakar terhadap kebolegunaan hubungan antara aktiviti pengajaran seperti yang dicadangkan dalam model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah?
- (vi) Apakah persetujuan pakar terhadap kesesuaian kebolegunaan keseluruhan model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah?



## 1.7 Rasional Kajian

FPK telah memberi tumpuan kepada pembentukan insan yang seimbang, bersepadu dan harmonis. Melalui PPPM 2013-2025 yang diperkenalkan oleh KPM telah meletakkan matlamat tumpuan kepada membangunkan kemahiran berfikir dan juga kepentingan memperoleh ilmu pengetahuan. Pemikiran masa depan merupakan salah satu kemahiran berfikir aras tinggi (Vidergor, 2018). Pengajaran menggunakan peta pemikiran mendukung hasrat FPK untuk pendidikan seimbang sebagai asas aspirasi setiap murid terutamanya membina kemahiran berfikir yang boleh diterapkan dalam diri murid sebagai persediaan untuk pembangunan negara pada masa depan. Pelaksanaan PdP seperti ini akan dapat mewujudkan masyarakat berkemahiran dalam berfikir masa depan di samping pembelajaran berpusatkan murid boleh diterapkan. Aplikasi aktiviti PdP Bahasa Melayu menggunakan peta pemikiran mampu menanamkan minat belajar murid sekolah dan menjadikan mereka dapat bekerjasama dan guru dapat mengetahui perkembangan pembelajaran murid-murid dengan lebih mudah.

Guru ialah pelaksana yang paling penting dalam menjayakan sesuatu matlamat pendidikan. Oleh yang demikian, proses PdP di sekolah seharusnya menggalakkan murid berfikir kerana kemahiran pemikiran merupakan aspek keberkesanan pendidikan yang berkualiti dan bermakna. Kajian ini bertujuan untuk melihat kepentingan model aktiviti pengajaran berasaskan penggunaan peta pemikiran sebagai medium terhadap peningkatan kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah. Kajian ini juga dilihat signifikan memandangkan belum ada lagi model berkaitan aktiviti pengajaran dalam mata pelajaran KSSM Bahasa Melayu menggunakan peta pemikiran



dalam membudayakan kemahiran pemikiran masa depan dalam kalangan murid sekolah menengah di Malaysia. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada keperluan dan rasionalisasi ini, keperluan pembinaan model berteraskan penggunaan peta pemikiran amat perlu dihasilkan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran guru berkaitan pemikiran masa depan yang merupakan salah satu KBAT. Berdasarkan pernyataan tersebut, hal ini membawa makna bahawa guru perlu mempunyai satu panduan untuk memupuk pemikiran masa depan dalam kalangan murid sekolah menengah. Dalam proses penyelesaian masalah ini, alat pemikiran seperti peta pemikiran yang diperkenalkan Hyerle dan Yeager (2007) boleh digunakan bagi menggalakkan meta kognisi dan perkembangan kognitif yang berterusan dalam diri murid sekolah. Jumaliah Mingan dan Zamri Mahamod (2016) berpendapat bahawa penggunaan alat pemikiran tersebut membolehkan guru-guru menentukan kepelbagaian murid sebelum mengajar dan prestasi murid dapat dikenal pasti dengan mudah.

Keperluan pengajaran berkaitan pemikiran boleh memastikan generasi baru mempunyai kemahiran pemikiran yang diperlukan untuk kelangsungan kehidupan mereka pada masa depan. Murid yang menggunakan peta pemikiran akan memberi kesan positif seperti motivasi murid dalam pembelajaran mampu dipertingkatkan. Kesan positif seperti ini membolehkan murid-murid mencapai matlamat pembelajaran dan perkembangan pencapaian yang baik. Setiap guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu wajar menggunakan kaedah pengajaran yang pelbagai dengan meninggalkan pendekatan tradisional seperti kuliah, penerangan dan *chalk and talk* bagi mencapai tujuan melahirkan murid yang berkualiti dari segi sahsiah dan akademik (Bhavani Somasundram & Zamri Mahamod, 2017). Maka, kepelbagaian aktiviti PdP





dapat membina dan mengukuhkan minat murid demi meningkatkan kualiti pembelajaran dalam bilik darjah.

Berdasarkan kepada KSSM, pelaksanaannya adalah untuk memastikan setiap murid dipupuk dengan etika dan kerohanian dalam diri mereka sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran kehidupan masa hadapan. Antara Elemen Merentas Kurikulum (EMK) yang terkandung dalam KSSM Bahasa Melayu sekolah menengah ialah Sains dan Teknologi, TMK, Kreativiti dan Inovasi dan sebagainya yang penting dalam memupuk KBAT pemikiran masa depan murid sekolah menengah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Semua elemen ini mesti dipupuk dan dirangsang agar murid dapat menggunakan pemikiran ke tahap yang lebih tinggi. Bagi melancarkan pengaplikasian KBAT dalam aktiviti PdP Bahasa Melayu, guru mata pelajaran mestilah membuat persiapan dan perancangan awal untuk memastikan penerapan KBAT dapat dilaksanakan dengan jayanya (Farah Aziana Abdul Aziz & Fadzilah Abd Rahman. (2018). Penggunaan aktiviti pengajaran melalui penggunaan peta pemikiran merupakan kaedah PdP untuk meningkatkan kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah. Peta pemikiran ini bertujuan untuk meningkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir iaitu sumber pengetahuan utama perkembangan kognitif pada abad ke-21. Oleh yang demikian, kajian yang berkaitan pembinaan model aktiviti pengajaran penggunaan peta pemikiran dapat meningkatkan kemahiran pemikiran masa depan dan mampu membekalkan murid dengan persediaan diri yang kukuh pada masa depan dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi selari dengan FPK.



## 1.8 Kepentingan Kajian

Pendidikan ialah penanda aras penentuan kualiti hidup seseorang individu kerana pencapaian pendidikan melambangkan tahap ilmu pengetahuan diri seseorang dalam bidang yang diceburi (Samruhaizad Samian & Azahan Awang, 2017). KPM telah memperkenalkan pelbagai usaha dalam pendidikan di Malaysia terutamanya dalam aspek peningkatan pencapaian akademik bagi membina modal insan yang berkualiti dan berkemahiran dari pelbagai aspek selaras dengan kehendak FPK. Maka dengan itu, kajian yang berkonsepkan faktor tempatan perlu dipergiatkan untuk memastikan terdapat kefahaman yang sama antara pembina polisi dan pelaksana (Azli Ariffin, 2018). Setelah terhasilnya model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah melalui kajian yang dijalankan ini, model tersebut akan dapat dijadikan sebagai panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pelaksana iaitu guru untuk menerapkan KBAT iaitu pemikiran masa depan dalam pelaksanaan PdP Bahasa Melayu.

Di samping itu, KPM boleh mempergiat lagi latihan-latihan dalam perkhidmatan atau bengkel-bengkel tentang pemikiran masa depan serta penggunaan peta pemikiran kepada guru Bahasa Melayu untuk diaplikasikan dalam PdP bilik darjah. Melalui latihan, pengetahuan dan kemahiran guru akan bertambah di samping memupuk sikap yang positif dalam melaksanakan tingkah laku di bilik darjah (Natrah Mohamad et al., 2019). Sekolah-sekolah di Malaysia telah dilengkapi dengan penyelesaian bersepadu seperti pengetahuan dan kemahiran penggunaan peta pemikiran dalam PdP yang membolehkan pengajaran lebih berkesan dan bermakna.



Selain itu, kajian ini juga dapat memberi sumbangan baru kepada guru-guru di Malaysia untuk meningkatkan dan memperbaiki kaedah pengajaran dengan berpandukan kepada model aktiviti pengajaran untuk memupuk kemahiran berfikir dalam PdP Bahasa Melayu selaras dengan keperluan pendidikan pada abad ke-21 kini.

Malah, guru juga akan menyediakan diri mereka dari segi kemahiran dan pengetahuan berhubung pemikiran yang dapat memperbaiki dan mengubah pembelajaran tradisional. Kajian ini juga akan dapat menyediakan maklumat asas dalam menilai keberkesanan amalan pengajaran sedia ada guru. Dapatan kajian ini juga akan mengukur kefahaman guru-guru tentang kepentingan pemikiran masa depan serta peranan peta pemikiran sebagai alat berfikir dalam amalan pengajaran guru menggunakan model aktiviti pengajaran. Bertitik tolak daripada itu, amalan pengajaran guru dengan menjadikan model sebagai rujukan melaksanakan PdP yang berkesan akan menggalakkan kerjasama antara pelajar, menyokong pembelajaran secara aktif dan meningkatkan pencapaian murid (Berenyi & Deutsch, 2018; Raba, 2017).

Akhir sekali, diharapkan agar kajian ini dapat menyumbang panduan dan rujukan untuk meningkatkan pendekatan dan kaedah pengajaran guru di dalam kelas agar usaha untuk meningkatkan tahap pemikiran masa depan murid sekolah menengah. PdP dalam bilik darjah juga akan lebih berkesan dan memberi impak yang besar dalam pendidikan KSSM Bahasa Melayu khususnya dalam perkembangan pengajaran dan kemahiran pemikiran masa depan.





## 1.9 Kerangka Teori Kajian

Kajian ini dirangka berdasarkan kepada dua teori, iaitu teori pembelajaran konstruktivisme Piaget (1973), teori pembelajaran sosial Vygotsky (1978), dan dua model, iaitu model pengajaran dan pembelajaran 5 fasa Needham (1987) dan model kurikulum multidimensional Vidergor (2018).


Teori pembelajaran konstruktivisme Piaget (1973) digunakan untuk mengetahui tahap perkembangan pembelajaran murid. Teori pembelajaran konstruktivisme sosial Vygotsky (1978) pula digunakan untuk mengetahui perkembangan interaksi sesama murid dengan bimbingan guru untuk membantu murid membina pengetahuan pembelajaran. Pengkaji akan dapat mengaitkan hubungan proses perkembangan pembelajaran murid dengan peningkatan kemahiran pemikiran masa depan mereka melalui kedua-dua teori pembelajaran ini.

Seterusnya, model pengajaran dan pembelajaran 5 fasa Needham (1987) dipilih untuk menjelaskan peranan murid dan guru mengikut fasa-fasa dalam aktiviti pengajaran penggunaan peta pemikiran dalam model yang dibina. Di samping itu, model pembelajaran Kolb (1984) juga mendasari kajian yang dijalankan kerana model ini sesuai digunakan dalam penyelidikan yang bertujuan membina model yang berkaitan dengan aktiviti pengajaran guru Bahasa Melayu peringkat sekolah menengah.

Akhir sekali, model kurikulum multidimensional Vidergor (2018) digunakan sebagai panduan pembinaan model aktiviti pengajaran meningkatkan pemikiran masa depan murid sekolah menengah. Penerangan yang lebih mendalam tentang teori dan



model yang mendasari kajian ini akan dibincangkan dengan terperinci dalam bab 2 tinjauan literatur. **Rajah 1.2** menunjukkan kerangka teori kajian ini.



**Rajah 1.2.** Kerangka Teori Kajian

### 1.10 Batasan Kajian

Kajian tentang pembinaan model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah ini terbatas dalam pembelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah sahaja. Selain itu, setiap peta pemikiran yang direka bentuk mempunyai fungsinya yang berbeza. Oleh itu, kajian pembinaan model aktiviti pengajaran ini juga hanya terbatas kepada menggunakan empat daripada lapan jenis peta pemikiran empat sahaja iaitu peta bulatan, peta buih berganda, peta alir dan peta pelbagai alir mengikut kesesuaiannya dalam meningkatkan kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah.



Fasa pertama melibatkan analisis keperluan yang melibatkan 80 orang guru Bahasa Melayu sekolah menengah sahaja dengan menggunakan instrumen soal selidik untuk mengenal pasti keperluan bagi menerapkan model dan seterusnya pembinaan model tersebut. Bagi mendapat pendapat dan mengenal pasti keperluan pembinaan model, temu bual menggunakan soalan terbuka dijalankan dengan melibatkan seramai 5 orang guru berpengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Lokasi kajian dalam fasa ini terbatas kepada guru sekolah menengah yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di Sarawak sahaja walaupun pembelajaran menggunakan peta pemikiran adalah suatu inisiatif atau program KPM yang perlu dikaji secara menyeluruh. Terbatasnya lokasi kajian kerana faktor kekangan masa dan sumber kewangan. Di samping itu, kajian ini juga terbatas kepada item-item yang dikemukakan dalam alat kajian iaitu borang soal selidik untuk mendapat pendapat guru bagi menentukan keperluan mereka dalam pembinaan model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah.

Dalam fasa kedua iaitu fasa pembangunan, pengumpulan dan membuat keputusan berdasarkan pendapat pakar dilaksanakan menggunakan teknik *Nominal Group Technique* (NGT) dan *Interpretive Structural Modeling* (ISM). Fasa pembangunan hanya melibatkan 7 orang pakar pembangunan model. Pakar yang dipilih terdiri daripada pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG), pegawai SISC+, dan guru berpengalaman mengajar Bahasa Melayu di sekolah menengah.

Fasa terakhir iaitu fasa ketiga melibatkan fasa penilaian melibatkan seramai 18 orang pakar penilaian untuk menilai kebolehgunaan model aktiviti pengajaran tersebut







menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*. Lokasi kajian dalam fasa ini terbatas kepada guru sekolah menengah di Sarawak sahaja yang berpengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu melebihi 5 tahun ke atas. Kajian ini juga memberi tumpuan kepada kesepakatan pakar tentang penggunaan model aktiviti pengajaran yang dibina untuk kemahiran pemikiran masa depan dalam pembelajaran Bahasa Melayu peringkat sekolah menengah.

## 1.11 Definisi Istilah

Kajian ini menggunakan beberapa istilah yang perlu diberikan definisi supaya pemahaman terhadap istilah-istilah itu jelas dalam konteks kajian ini. Beberapa definisi istilah kajian dapat dinyatakan seperti berikut:

### 1.11.1 Model

Menurut Alias et. al (2018) dalam Md Zawawi Abu Bakar et al. (2022), model adalah merupakan gambaran konseptual yang bertujuan untuk menghuraikan perhubungan antara aktiviti dengan elemen lain. Istilah model digunakan untuk membawa maksud pengajaran yang dilakukan oleh guru berpengalaman di mana perlakuan pengajaran yang berfokus ditunjukkan (Thanavathi C., 2022). Penggunaan model penting sebagai panduan proses PdP dalam bilik darjah. Terdapat beberapa model pengajaran dan pembelajaran yang direka bentuk seiring dengan perkembangan teknologi masa kini iaitu bersesuaian dengan perubahan yang berlaku dalam pendidikan. Kajian ini





difokuskan kepada pembinaan model aktiviti pengajaran yang dijadikan sebagai panduan untuk mengaplikasikan kemahiran pemikiran masa depan kepada murid sekolah menengah.

### 1.11.2 Aktiviti Pengajaran

Peranan guru dalam mengerakkan aktiviti pengajaran dalam bilik darjah amat penting untuk memastikan penglibatan aktif semua murid dalam proses PdP. Pelaksanaan PAK-21 sememangnya memerlukan aktiviti pengajaran yang mampu meningkatkan KBAT murid-murid sekolah. Pengajaran adalah merupakan proses menyeluruh yang melibatkan aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas (Rahimah Wahid, 2020). Aktiviti pengajaran yang dirancang dan ditadbir oleh guru memerlukan penekanan kepada membina motivasi dan minat murid di samping penglibatan aktif murid selari dengan aktiviti PAK-21 yang menekankan elemen membina KBAT. Bagi kajian ini, model aktiviti PdP guru adalah dengan menggunakan peta pemikiran sebagai alat bantu berfikir.

### 1.11.3 Bahasa Melayu

Bahasa Melayu menjadi bahasa perbualan harian, bahasa rasmi, bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan dan juga bahasa ilmu (Norliza Jamaluddin, 2017). Pada sistem pendidikan Malaysia, Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang wajib lulus dalam peperiksaan awam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan menekankan elemen KBAT dalam format soalan peperiksaan. Lanjutan daripada itu, kemahiran





berfikir telah diberi penekanan dalam KSSM Bahasa Melayu supaya amalan meningkatkan kemahiran berfikir dalam PdP mampu dilaksanakan dengan berkesan (Chew & Nur Juliana Masingan Abdullah, 2021). Melalui kajian ini, kita akan melihat aktiviti pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu yang menerapkan kemahiran pemikiran masa depan dengan menggunakan alat pemikiran.

#### 1.11.4 Peta Pemikiran

Nik Nur Fariah Nik Harmi (2019) mentakrifkan peta pemikiran sebagai satu alat untuk berfikir yang dipersembahkan dalam lapan bentuk peta pemikiran secara visual yang mudah untuk diguna pakai dan mudah difahami. BPK KPM (2012) pula menyatakan peta pemikiran telah menggabungkan proses pembelajaran secara kognitif dan persembahan maklumat secara visual dalam bentuk grafik. Abdul Rasid Jamian, Martini Misdon dan Azhar Md. Sabil (2017) menjelaskan peta pemikiran merupakan salah satu alat berfikir yang boleh menjadi pemangkin untuk menerapkan elemen KBAT dalam kalangan murid. Norliza Abdullah et al. (2021) pula mengatakan penggunaan peta pemikiran merupakan inovasi baharu di Malaysia. Hal ini menunjukkan penggunaan peta pemikiran merupakan satu keperluan yang dapat digunakan dalam proses pembelajaran memupuk kemahiran pemikiran murid sekolah. Kajian ini menggunakan peta pemikiran dalam membina model aktiviti pengajaran yang dapat meningkatkan kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah.



### 1.11.5 Kemahiran

Kemahiran satu aspek keupayaan yang harus dikuasai murid agar sikap berdikari dan tanggungjawab sendiri dipupuk (Akma Che Ishak, Noor Indon Abdul Samad & Noor Hasrimin Md. Nor., 2022). Terdapat pelbagai definisi tentang kemahiran. Kamus Dewan Edisi Keempat (2013), kemahiran didefinisikan sebagai kecekapan dan kepandaian seseorang individu dalam melakukan sesuatu. Menurut Nor Hasmaliza Hasan dan Zamri Mahamod (2016), kemahiran berfikir merupakan elemen yang diajar dengan integrasi elemen merentasi kurikulum (Nor Hasmaliza & Zamri, 2016). Berdasarkan konteks kajian ini, kemahiran merujuk kepada kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah dalam PdP mata pelajaran Bahasa Melayu dengan menggunakan alat pemikiran peta pemikiran. Dalam pengajaran melibatkan pemikiran, adalah penting meningkatkan penguasaan kemahiran tersebut dalam diri seseorang itu. Kemahiran pemikiran masa depan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah kemahiran yang diperlukan untuk menangani sebarang situasi dan menyelesaikan sebarang permasalahan secara kreatif yang boleh berlaku pada masa akan datang.

### 1.11.6 Pemikiran Masa Depan

Pemikiran masa depan merujuk imaginasi peristiwa masa depan yang mungkin terjadi atau keupayaan seseorang membayangkan secara kreatif kemungkinan hipotesis senario masa depan tanpa had (D'Argembeau et al., 2010; Fortunato & Furey, 2011; Chiu, 2012; Tsai & Lin, 2016). Pelbagai cabaran dan situasi pada masa kini yang memerlukan murid berkemahiran dalam menanganinya. Menurut Vidergor (2018),



pemikiran masa depan merupakan salah satu KBAT. Menurutnya lagi, pembinaan pemikiran masa depan perlu melibatkan pengilustrasian isu-isu dengan menggunakan peta pemikiran. Anjakan paradigma pemikiran murid sekolah iaitu kemahiran pemikiran masa depan amat diperlukan bagi menjadikan murid mampu berfikir ke hadapan dan luar daripada kotak pemikiran. Melalui kajian ini, kita akan melihat penggunaan peta pemikiran dalam pembinaan model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah

### 1.12 Rumusan

Bab ini telah membincangkan pengenalan kajian iaitu pengenalan pembinaan model aktiviti pengajaran Bahasa Melayu berasaskan peta pemikiran kemahiran pemikiran masa depan murid sekolah menengah. Di samping itu, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, rasional kajian, kepentingan kajian, kerangka teori kajian, batasan kajian dan definisi istilah turut dibincangkan dalam bab ini sebagai pengenalan kajian. Seterusnya, dalam bab 2 pula akan menjelaskan tentang tinjauan literatur daripada aspek Program *I-Think* dalam pendidikan sekolah menengah di Malaysia, konsep pemikiran masa depan, kaedah pengajaran dan pembelajaran abad ke-21, strategi pengajaran dan pembelajaran, peta pemikiran, peta pemikiran *I-Think*, jenis-jenis peta pemikiran dan sebagainya. Selain itu, teori-teori dan model-model yang mendasari kerangka teori kajian, kajian-kajian lampau penggunaan peta pemikiran di dalam dan luar negara serta kerangka konseptual kajian juga dibincangkan dalam bab yang seterusnya.

